



IKLAN JAWATAN (DALAMAN)
KETUA PEGAWAI DIGITAL, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(CDO, UTeM)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mempelawa Staf Universiti yang berkelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan Ketua Pegawai Digital, UTeM. Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:

1) MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	:	Ketua Pegawai Digital (CDO)
Gred Jawatan	:	Gred 14 / Jusa C atau yang setara, tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti dan peraturan yang sedang berkuat kuasa
Status Pelantikan	:	Kontrak/Tukar Sementara
Tempoh Pelantikan	:	Satu (1) hingga tiga (3) Tahun, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Universiti
Gaji dan Imbuhan	:	Gaji dan imbuhan yang dibayar adalah berdasarkan kelayakan mengikut gred dan tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuat kuasa.

2) SYARAT LANTIKAN

- a) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun di UTeM dan keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman Jawatan Giliran;

- b) Mencapai prestasi yang ditetapkan sekurang-kurangnya mencapai purata 85% untuk Laporan Nilain Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terakhir sebelum permohonan;
- c) Mempunyai pengalaman dalam bidang teknologi digital bagi meningkatkan keupayaan operasi Universiti merangkumi kaedah pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta inovasi. Berkebolehan merancang, mengenalpasti dan menggerakkan inisiatif kecemerlangan ICT Universiti;
- d) Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang cemerlang agar hubungan kerjasama dengan pelbagai pihak dapat dilaksanakan.

3) PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- a) Meneraju inisiatif pendigitalan melalui penggunaan data, analitis dan teknologi digital;
- b) Mewujudkan budaya berpacuan data yang mengamalkan pendekatan *principle-based* melalui penggunaan data dan teknologi digital;
- c) Mentransformasi penyampaian perkhidmatan digital di UTeM berfokuskan pengalaman pelanggan (*customer experience*) yang berteraskan konsep *Whole-of-Government* melalui inovasi melibatkan perkongsian data, data terbuka dan teknologi baru muncul;
- d) Menilai, menyelaraskan, memperakui keperluan perkhidmatan digital, *Technical Service Design* dan bajet pembangunan serta mengurus agensi sebagai pelaksana inisiatif dan projek pendigitalan;
- e) Meneraju perubahan melalui Penjajaran Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian/Negeri/Agensi dengan:
 - i. Memastikan PSP agensi selari dengan PSP Sektor Awam dan Pengurusan Risiko dan Pelan Pengurusan Perubahan;
 - ii. Memastikan *blueprint Enterprise Architecture (EA)* agensi tersedia; dan
 - iii. Memantapkan struktur tadbir urus pendigitalan agensi & menyelaraskan penggunaan dasar, standard dan amalan terbaik global.

- f) Melaporkan pelaksanaan dan kemajuan transformasi pendigitalan kepada YBhg. Ketua Setiausaha Negara sebagai Pengerusi Kluster Kerajaan di bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR melalui sekretariat kluster kerajaan.

4) KRITERIA UMUM

a. **Kecemerlangan Pengurusan**

- i. Berorientasikan Pencapaian – mempunyai komitmen yang tinggi ke arah peningkatan hasil kerja keseluruhan melalui kecekapan dalam mengurus dan mengelola sumber-sumber yang diperuntukkan dengan berkesan bagi mencapai matlamat dan objektif organisasi.
- ii. Pengurusan Kakitangan – Berkebolehan menambahbaik strategi sumber manusia untuk membangunkan kapasiti tenaga kerja dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang dan menyediakan hala tuju yang jelas untuk mencapai jangkaan.
- iii. Pengurusan Kewangan – Mengurus sumber kewangan dengan telus dan mencapai nilai untuk wang dan hasil yang optimum (*value for money*).
- iv. Pengurusan Perubahan & Risiko – Berusaha mengurus perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan berkeupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

b. **Pemikiran Strategik**

- i. Berkebolehan mengenal pasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah yang berkaitan dengan perundangan serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.
- ii. Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan

mengikuti keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh.

- iii. Berkemahiran dalam merancang dan membangunkan Pelan Strategik Organisasi serta mentafsirkannya sehingga peringkat pelaksanaan.

c. Kepimpinan Berteraskan Nilai & Etika

- i. Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.
- ii. Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.
- iii. Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

d. Berkepakaran Dalam Membudayakan Idea Kreativiti dan Inovasi Dalam Pentadbiran

- i. Berkebolehan mencetus idea-idea baharu dan meningkatkan usaha untuk mentransformasi organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan berdasarkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa.

e. Memiliki Jaringan Hubungan Yang Luas

- i. Mengoptimumkan sumber-sumber organisasi untuk memenuhi keperluan pelanggan.
- ii. Berkebolehan menjalin hubungan kerjasama dan menerapkan nilai-nilai kebersamaan dengan anggota kerja dalam organisasi.
- iii. Berkebolehan mengenal pasti dan mengambil peluang untuk membina perkongsian strategik dari segi maklumat, idea,

pengetahuan dan kepakaran dengan pelbagai pihak untuk faedah dan kepentingan organisasi.

5) KRITERIA KHUSUS

Seorang CDO haruslah mempunyai kompetensi tertentu sebagai seorang pemimpin kepada kecemerlangan pelaksanaan projek/program yang berkaitan dengan inisiatif digital. Ciri-ciri tersebut adalah:

- a) Memimpin (*Leading*)
 - berupaya mengetuai dan memimpin organisasi dalam menerajui pelaksanaan inisiatif digital bagi mencapai visi, misi dan objektif organisasi.
- b) Berwawasan (*Visioning*)
 - mempunyai wawasan yang jauh dan pengetahuan mendalam terutamanya dalam perkembangan bisnes dan inovasi melalui teknologi digital.
- c) Meneraju (*Driving*)
 - memegang teraju pimpinan untuk memandu organisasi dalam pembangunan dan pelaksanaan program teknologi digital.
- d) Mempengaruhi (*Influencing*)
 - mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pihak atasan dan bawah dalam pembangunan teknologi digital.
- e) Bermotivasi (*Motivating*)
 - berupaya memberi dorongan, galakan dan semangat untuk memajukan organisasi dalam penggunaan teknologi digital.
- f) Menyelaras dan Mengawal (*Coordinating and Controlling*)
 - berupaya mengawasi organisasi supaya dapat beroperasi dengan sempurna dan teratur dengan menggunakan proses kerja yang berasaskan inisiatif digital dan mematuhi dasar-dasar inisiatif digital yang berkuatkuasa.

6) CARA MEMOHON

Staf Universiti yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut:

- a) **Permohonan Jawatan beserta gambar berukuran passport (Lampiran A);**
- b) ***Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap;**
- c) **Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Ketua Pegawai Digital (CDO) UTeM.**

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Operasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau melalui emel azrinaalwi@utem.edu.my / aryanti@utem.edu.my .

Tarikh tutup permohonan: 7 November 2025 jam 5.00 petang

7) PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di talian: 06-2701900/2711 atau melalui emel seperti di atas.

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk Sesi Temu Bual.

Sila layari laman web <https://www.utem.edu.my/perjawatan>